

Ref: K.P. 8591-9/(8)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34

9hb September, 1976

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9A/1976
Pelaksanaan Bimbingan Agama Bagi Murid-Murid
Beragama Islam.

Sebagaimana tuan sedia maklum Agama Islam adalah menjadi agama rasmi Persekutuan bagi negara kita Malaysia. Oleh yang demikian, adalah difikirkan perlu bahawa didikan agama di kalangan murid-murid sekolah yang beragama Islam dipergiatkan lagi supaya selaras dengan dasar Kerajaan dan kehendak negara hari ini. Bagi mencapai tujuan ini, gurubesar-gurubesar sekolah bantuan penuh yang mengandungi 15 atau lebih murid-murid Islam hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya melaksanakan perkara-perkara yang tersebut di bawah ini.

Tempat Sembahyang

1. (i) Bagi membolehkan murid-murid Islam berlatih sembahyang dan menunaikannya ketika tidak sempat ditunaikan di rumah, tiap-tiap gurubesar sekolah rendah dan menengah bantuan penuh yang berkenaan, atas budibicaranya dan tanpa melibatkan kewangan dari Kementerian Pelajaran, diminta berikhtiar memperuntukkan suatu tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat sembahyang serta mengadakan kemudahan-kemudahan berkaitan dengannya. Tempat sembahyang ini boleh jadi bilik darjah atau dewan ataupun bangunan yang khas.

(ii) Sekiranya sekolah itu berhampiran dengan masjid atau surau, gurubesar sekolah yang berkenaan bolehlah berunding dengan pihak berkuasa masjid atau surau itu untuk mendapat kebenaran menggunakannya bagi murid-murid sekolah mengerjakan sembahyang.

(iii) Sejauh mana yang boleh dipraktikkan, latihan sembahyang bagi murid-murid sekolah rendah hendaklah diatur sebegitu rupa supaya tiap-tiap murid beragama Islam benar-benar mahir mendirikan sembahyang dan bagi murid-murid sekolah menengah pula

digalakkan mana-mana yang tidak sempat menunaikannya di rumah supaya bersembahyang di situ.

s.k.

Lain-lain kegiatan Agama Islam

3. (i) Gurubesar-gurubesar sekolah menengah bantuan penuh lelaki dan perempuan, hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang berikut bagi kepentingan murid-murid Islam mereka:-


- (a) Mengadakan persatuan Agama Islam bagi murid-murid Islam sekolah mereka untuk menjalankan kegiatan-kegiatan berunsur agama.
- (b) Mengadakan kegiatan-kegiatan agama yang lain seperti kelas bimbingan bacaan Quran, nasyid, syarahan agama dan sebagainya.
- (c) Menyambut hari-hari kebesaran agama seperti Maulud Nabi, Hari Mikraj, Nuzul Quran dan lain-lain.
- (d) Untuk menambahkan pengetahuan Agama Islam di kalangan murid-murid Islam, mengadakan perpustakaan buku-buku agama.
- (e) Mengelola murid-murid Islam untuk pergi sembahyang Jumaat beramai-ramai di bawah pimpinan guru-guru beragama Islam di sekolah mereka.

Catatan: Murid-murid perempuan beragama Islam mengikut hukum Islam tidak wajib bersembahyang Jumaat, tetapi boleh dilakukan. Jika mereka suka dan ada tempat yang khas bagi mereka.

(ii) Gurubesar-gurubesar sekolah rendah bantuan penuh, lelaki dan perempuan, yang mengandungi 30 atau lebih murid-murid Islam dalam Darjah V ke atas hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang tersebut dalam per. 3 (i) di atas. Jika sekiranya didapati dalam sesebuah sekolah itu kurang murid-murid Islam dalam Darjah V ke atas tetapi lebih 30 murid-murid Islam dalam Darjah IV ke bawah, perkara-perkara yang tersebut dalam per. 3 (i) itu bolehlah dilaksanakan mengikut kemampuan murid-murid tersebut.

4. Harap kandungan Surat Pekeliling ini diumumkan kepada semua gurubesar sekolah rendah dan menengah bantuan penuh dalam negeri tuan.

5. Dengan ini Surat Pekeliling ikhtisas Bil. 9/1976 rujuk K.P. 8591-9/(7) bertarikh 2hb September, 1976 adalah dibatalkan.



(Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor)
Ketua Pengarah Pelajaran,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran.
Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Setiausaha (I) dan (II).
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I) dan (II).
Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.
Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
Pengarah Pelajaran, Sabah.
Pengarah Pelajaran, Sarawak.
Pegawai Khas (I) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

/rt